

# IDEA PEMBANGUNAN “R.A.H.M.A.N” DARI PERSPEKTIF LEE KUAN YEW

Lutfan Jaes<sup>1</sup>, Abdul Rahman Abdul Aziz<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains, Teknologi & Pembangunan Insan  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja Batu Pahat Johor  
[lutfan@uthm.edu.my](mailto:lutfan@uthm.edu.my)

<sup>2</sup>Universiti Utara Malaysia  
06010 Sintok Kedah  
[shiman@uum.edu.my](mailto:shiman@uum.edu.my)

## ABSTRACT

*Lee Kuan Yew (LKY) is superior statesman with the pragmatic and effective leadership style to achieve the vision in the developmentalist country. Nearly 60 years (1955-2011) of experience made him as unchallenged political leaders in Singapore even Southeast Asia. His leadership ability has been successful to led the Singapore community thrive. He led to developed after Singapore separated by Malaysia. History of the Malaya cannot be separated by this character. He was a "hardcore troublemakers" while in the Malaysian parliament. "Malaysian Malaysia" concept introduced by him is troubling for the late Tunku Abdul Rahman and Tun Abdul Razak in Perikatan. Tun Dr. Mahathir, has always been a "hero" to deflect LKY brilliant didactic arguments. LKY resigned as prime minister in 1990 but appointed as a Senior Minister (1990-2004) and Minister Mentor (2004-2011). This allows him to still relevant in the Singapore political arena. It makes his leadership keep across the centuries. His perspective is not only limited to the development of Singapore but even to the particularly Malaysia and Southeast Asia. Therefore this paper tries to look the developments of idea and leadership style of the six (6) Prime Minister of Malaysia; namely R.A.H.M.A.N by LKY. Through different view, perhaps the ideas of the Prime Minister's legacy be obtained for the future.*

**Keywords:** *Development Ideas, leadership styles, leaders*

---

<sup>1</sup> En. Lutfan bin Jaes merupakan staf akademik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan sedang melanjutkan pelajaran di peringkat PhD di Universiti Utara Malaysia (UUM). No telefon yang boleh dihubungi : (H/P) 019-7788034. (Fax) 07-4536090

<sup>2</sup> Abdul Rahman Abdul Aziz merupakan Profesor di *College of Law, Government and International Studies (COLGIS)*, UUM dan juga Pengarah di Insitut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamd (IPDM-UUM). No telefon yang boleh dihubungi : Beliau boleh dihubing di no telefon : (H/P) 019-5909666 (Fax) 04-9284005

## 1. PENDAHULUAN

Malaysia hingga hari ini dipimpin oleh enam Perdana Menteri. Bermula dengan YTM Tunku Abdul Rahman Alhaj, diikuti oleh Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak (R.A.H.M.A.N). Setiap Perdana Menteri mempunyai gaya kepimpinan tersendiri dalam menggerakkan pembangunan negara ke suatu tahap yang lebih baik. Walaupun mempunyai gaya kepimpinan berbeza, namun setiap orang memperlihatkan kesinambungan dan saling meneruskan agenda pembangunan sehingga kelihatan saling memperkukuh kerja-kerja Perdana Menteri yang terdahulu. Kesinambungan ini dilihat kerana R.A.H.M.A.N bertitik tolak dari wadah yang sama iaitu UMNO dan BARISAN NASIONAL. Denyut nadi yang mengalirkan darah perjuangan UMNO itu berteraskan nasionalisme Melayu-Islam dan patriotisme Malaysia. Justeru, R.A.H.M.A.N akur dan berpegang teguh pada teras perjuangan yang mereka dokong – “Demi Agama, Bangsa dan Negara”. R.A.H.M.A.N adalah Presiden UMNO dan Pengerusi BARISAN NASIONAL dipertanggungjawabkan untuk menggerakkan idea pembangunan yang telah ditetapkan turun temurun tetapi mengikut acuan sendiri. Kesemua Perdana Menteri telah melalui proses sosialisasi dalam masyarakat umum dan pembudayaan dalam parti serta sensitif terhadap kehendak majoriti.

Bertitik tolak daripada itu maka idea pembangunan R.A.H.M.A.N dilihat janggal dan menerima perhatian seorang pemimpin hebat Singapura iaitu Lee Kuan Yew (LKY). LKY negarawan unggul yang berjaya menggerakkan tindakan-tindakan pragmatik konteks pembangunan negara Singapura. Usaha politik dan pembangunannya selama lebih 60 tahun<sup>3</sup>, telah membawa masyarakat Singapura berkembang maju dari satu tahap ke satu tahap yang lain. Di era pemerintahannya, Singapura menjadi negara maju<sup>4</sup> dalam keadaan Singapura terputus dengan kawasan “pedalaman” nya<sup>5</sup> (semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak) yang selama ini membekalkan bahan mentah. Sejarah Persekutuan Malaysia tidak dapat dipisahkan dengan watak ini. Beliau merupakan “pengacau tegar” ketika berada di dalam parlimen Malaysia. Konsep *Malaysian Malaysia* nya meresahkan pemimpin-pemimpin parti Perikatan ketika itu terutamanya Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman dan Allahyarham Tun Abdul Razak. Hanya Tun Dr. Mahathir lah (pertama kali menjadi ahli parlimen) yang dikatakan mampu menangkis hujah-hujah deduktif LKY di dalam perbahasan parlimen.

LKY kekal relevan di arena politik lokal dan dunia walaupun setelah meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri pada tahun 1990. Beliau mendapat kepercayaan untuk dilantik sebagai Menteri Kanan (1990-2004) dan Menteri Mentor (2004-2011). Ia sekaligus mengekalkan kesinambungan serta idea pembangunan yang telah beliau mulakan. Singapura berjaya menjadi sebuah negara Negara Pembangun (Developmental State) yang begitu berjaya mengikuti Jepun dan Korea seterusnya menjadi kuasa ekonomi dunia. Konsep dan ideologi popular *Malaysian Malaysia* nya terus lantang diperjuangkan

---

<sup>3</sup> LKY lahir pada 16 September 1923 dan mula terlibat dengan politik seawal April 1955 sebagai Ahli Parlimen Tanjung Pagar di bawah tiket *People's Action Party* (PAP) . Seterusnya menjadi Perdana Menteri Singapura Pertama (5 Jun 1959 – 28 November 1990), Menteri Senior (28 November 1990 – 12 Ogos 2004) dan Menteri Mentor (12 Ogos 2004 – 21 May 2011).

<sup>4</sup> Sila baca lanjut: - Lee, K. Y. (2000). *From Third World To First- The Singapore Story: 1965-2000* *Memoirs of Lee Kuan Yew*. Singapore : Marshall Cavendish Edition

<sup>5</sup> Pada 9 Ogos 1965, Parlimen Malaysia secara rasmi mengeluarkan Singapura daripada menjadi sebahagian daripada Malaysia. Singapura muncul menjadi sebuah republik yang merdeka dan berdaulat.

walaupun Singapura bukan lagi sebahagian daripada Malaysia. Ia malah diwarisi serta diperjuangkan oleh sesetengah parti politik di Malaysia hingga kini. Tanpa sedar, perspektif dan idea pembangunan beliau telah merentas zaman melangkaui abad. LKY mempunyai pengaruh politiknya yang tersendiri dalam setiap era R.A.H.M.A.N.

Kertas kerja ini cuba melihat dua (2) perkara iaitu a) idea pembangunan LKY dan juga b) idea pembangunan R.A.H.M.A.N. menurut perspektif LKY. Melalui pandangannya yang berbeza, satu kesimpulan berkaitan idea pembangunan Perdana Menteri Malaysia oleh “orang luar” diperoleh. Ia juga unik bagi keupayaan pemimpin di Malaysia untuk “membaca” perspektif idea-idea pemimpin Singapura dan saling bertindak balas dalam usaha-usaha berkaitan pembangunan.

## **2. “IDEA PEMBANGUNAN” DARI SEBUAH NEGARA PEMBANGUN**

Istilah “Idea Pembangunan” yang dikemukakan dalam penulisan ini bukanlah sesuatu yang rasmi dibincangkan pada mana-mana penulisan sarjana. Ia hanya digunakan oleh penulis bagi tujuan menerbitkan satu bentuk “idea” yang dikerjakan oleh pemimpin dan kepimpinan di negara-negara membangun pasca Perang Dunia ke II. Pemimpin-pemimpin khususnya di Asia Timur (Jepun dan Korea) ketika itu dilihat begitu berjaya membangunkan negara mereka dan kemudiannya cuba dicontohi oleh pemimpin di negara-negara Asia Tenggara (seperti Singapura, Malaysia, Indonesia). Mereka berjaya oleh kerana mengaplikasikan satu formula unik bagi pembangunan negara Asia yang sesuai dengan ciri-ciri masyarakat Asia itu sendiri.

Dalam hal yang demikian, Negara Pembangun/Negara Pembangunan (Developmental State) atau juga dikenali sebagai Negara Kuat (Hard State) adalah istilah yang digunakan oleh sarjana ekonomi dan politik antarabangsa bagi merujuk fenomena perancangan makroekonomi negara di Asia Timur pada abad kedua puluh. Model kapitalisme ini menekankan peranan negara yang kuat melalui kuasa politik pemerintah ke atas ekonomi. Selain daripada itu ia menekankan kebijakan para teknokrat dan autonomi birokrasi dalam pelbagai perancangan serta peraturan yang dilakukan. Istilah ini kemudiannya telah digunakan untuk menggambarkan negara di luar Asia Timur yang memenuhi kriteria sebuah Negara Pembangun.

Sarjana awal yang membincangkan konsep Negara Pembangun ialah Chalmers Johnson. Ketika menulis buku *MITI and the Japanese Miracle*, beliau mentakrifkan Negara Pembangun sebagai negara yang memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi dan mengambil langkah-langkah dasar yang diperlukan untuk mencapai matlamat tersebut. Hujah beliau ialah pembangunan ekonomi Jepun hebat disebabkan tindakan campur tangan serta pandangan jauh birokrat nya terutama mereka yang berada di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Dalam Model Negara Pembangun, institusi eksekutif negara (pemimpin) memainkan peranan sangat penting. Institusi eksekutif merujuk kepada kuasa pentadbir dan kekuatan politiknya. Ia menegaskan tentang peranan pemerintah dalam ekonomi pasaran. Usaha-usaha ekonomi harus dibangunkan melalui penataran institusi kerajaan yang terancang dan berencana. Kerajaan menyelenggarakan ekonomi terencana melalui satu lembaga pengurusan khusus dengan kuasa dan kebijakan eksklusif agar segala kegiatan industri dan perekonomian berjaya tetapi memenuhi kerangka kepentingan nasional. Inilah

merupakan prasyarat paling penting dalam mengelola proses pembangunan (Suwarno, 2006).

Dalam menjalankan konsep Negara Pembangun, adalah penting untuk memiliki birokrasi yang bertanggungjawab dan kompeten. Dalam ruang inilah maka daya seorang pemimpin dan kepimpinannya diperlukan bagi mengetuai institusi, kuasa eksekutif dan kuasa politik negara dengan cemerlang menerajui pembangunan negara. Seterusnya Beeson (2002) menjelaskan bahawa kunci bagi sebuah Negara Pembangun yang efektif ialah kemampuan negara (state capacity) untuk memformulasikan dan mengimplementasikan usaha-usaha pembangunan. Selain birokrasi yang kompeten, turut diperlukan ialah hubungan efektif bersama dunia luar khususnya keusahawanan dan industri yang merupakan titik penting dalam keberhasilan inisiatif pembangunan. Semua ini hanya mampu dijayakan dengan pemimpin dengan gaya kepimpinan yang kuat dan berkesan berdasarkan nilai budaya tempatan.

### 3. LKY DAN IDEA PEMBANGUNAN

Adalah penting untuk memahami pendirian dan ideologi LKY yang membentuk idea pembangunannya di Singapura seterusnya membezakan cara beliau melihat idea pembangunan R.A.H.M.A.N. Idea asas pendirian politik beliau dikenalpasti seawal tindakannya ketika Singapura masih berada di dalam lingkungan Persekutuan Malaysia 1963. Perbezaan-perbezaan asas dari segi idea pembangunan dalam membangunkan negara antara LKY dan Tunku Abdul Rahman membawa kepada penyingkiran Singapura daripada Persekutuan Malaysia. LKY dalam biografinya, *Lee Kuan Yew-Hard Truth To Keep Singapore Going* (2011) menegaskan;

*“My fundamental belief is that whatever your background, you should have an equal chance in life, in education, in health, in nutrition. So you may not be as well-fed with all the meat and vitamins as a wealthier person, but you should have enough to make sure that you’re not stunted, so you can perform and achieve your best in life. That’s the only way a society can grow. I am against a society which has no sense of nurturing its best to rise to the top. I’m against a feudal society where your birth decides where you stay in the pecking order.”*

(Han Fook Kwang dan Rakan, 2011; hal 50)

LKY dalam jilid memoirnya yang pertama iaitu *The Singapore Storey : Memoirs of LKY* (1998) menjelaskan dengan panjang lebar tentang pembangunan tamadun dan bangsa di Singapura. Memetik kata beliau:

*“There are books to teach you how to build a house, how to repair engines, how to write book. But I have not seen a book on how to build a nation out of a disparate collection of immigrants from China, British India and Dutch East Indies, or how to make a living for its people when its former economics role as entrepot of the region is becoming defunct”*

(LKY, 2000; hal 19)

LKY melihat hegemoni politik dan pemerintahan Melayu sebagai sesuatu yang bersifat perkauman dan tidak adil. Beliau melihat keadilan dalam konteks “persaingan sempurna” antara semua kaum dan tidak mahu memahami konsep Ketuanan Pemerintahan Raja-Raja Melayu yang sudah terasas serta terbudaya seawal kurun ke 2 Masihi. Beliau gagal untuk memahami konsep majoriti dan bahawa sesetengah kaum perlu diberikan “bantuan” kerana sudah begitu lama ditinggalkan di belakang dalam arus pembangunan penjajahan.

Peranan, kewujudan, usaha dan sumbangan beliau, bapa (Lee Chin Koon) serta datuknya (Lee Hoon Leog) di Singapura memberikan beliau “rasa” dan “makna” bahawa tiada bezanya beliau dengan kaum lain khususnya orang Melayu. Ia jelas ditunjukkan dalam catatan memoirnya selepas Singapura di keluarkan dari Persekutuan Malaysia seperti berikut:

“Saya dibebani rasa bersalah yang amat sangat. Saya berasa bahawa saya telah mengecewakan beberapa juta orang di Malaysia: pendatang Cina dan India, orang Serani, malah sebahagian orang Melayu. Saya telah menyemarakkan harapan mereka dan mereka telah menyertai orang-orang di Singapura dalam menentang hagemoni Melayu, punca perselisihan kami. Saya malu telah membiarkan sekutu-sekutu dan penyokong kami terpaksa membela nasib mereka sendiri, termasuk pemimpin parti dari negeri-negeri lain di Malaysia – Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.

(LKY, 1998 ; hal 5-6)

Pelantar paling berkesan untuk beliau mencetuskan idea awal pembangunannya adalah di Parlimen Persekutuan Malaysia pada ketika itu. LKY menyatakan:

“Saya menggariskan perbezaan antara persamaan politik dan hak-hak istimewa bagi peningkatan ekonomi serta sosial untuk orang Melayu. Saya menerima hak-hak istimewa, tetapi jika rakyat Malaysia yang lain dinafikan persamaan politik dengan orang Melayu, kita tidak akan perlukan Sukarno dan Konfrontasi untuk menghapuskan kita. Sebaik-baik sahaja anda melempar perlembagaan ini ke dalam api dan anda berkata “jangan pedulikannya”, ia bererti anda melakukannya untuk masa yang panjang dan sejarah merupakan satu proses yang panjang dan tidak mengenal belas kasihan”

(LKY, 1998 ; hal 717)

Pengalaman beliau sebagai peguam berpengalaman khususnya mewakili banyak kesatuan-kesatuan sekerja berbilang bangsa, banyak membentuk sikap dan idea pembangunannya. Malah keberaniannya menangani anasir komunis di Singapura sama ada yang berada di dalam mahupun diluar parti (PAP) dianggap sebagai sumbangan besar kepada British, Tanah Melayu dan juga seluruh rantau Asia Tenggara. Dalam satu ucapan terakhirnya di Parlimen Malaysia sebelum Singapura di singkirkan :

“Jika kita mengelirukan rakyat untuk mempercayai bahawa mereka miskin kerana tiada terdapat hak-hak istimewa orang Melayu atau kerana anggota pembangkang menentang hak-hak orang Melayu, apakah yang akan berlaku kepada kita akhirnya? Anda membuat orang-orang kampung percaya bahawa mereka miskin kerana tidak bertutur dalam bahasa Melayu, kerana kerajaan tidak menulis dalam bahasa Melayu, jadi mereka mengharapkan satu keajaiban akan berlaku pada tahun 1967 (apabila bahasa Melayu menjadi bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal). Sebaik-baik sahaja kita semua mula bertutur bahasa Melayu, mereka akan menikmati taraf hidup lebih tinggi, dan jika tidak berlaku apakah jadinya nanti?.....Sementara itu, apabila sahaja terdapat kegagalan dalam dasar-dasar ekonomi, sosial dan pendidikan, anda menoleh dan berkata , oh orang-orang Cina yang jahat ini, orang India dan orang-orang lain telah menentang hak-hak orang Melayu. Mereka tidak menentang hak-hak orang Melayu. Mereka, orang-orang Melayu, mempunyai hak sebagai rakyat Malaysia untuk mendaki ke paras yang lebih tinggi dalam latihan serta pendidikan yang telah melahirkan masyarakat bukan Melayu yang lebih berdaya saing. Bukankah ini yang

sepatutnya di lakukan? Bukan dengan menyogok mereka dengan doktrin-doktrin kabur bahawa apa yang mereka perlu lakukan ialah dengan mendapatkan hak-hak bagi segelintir orang Melayu istimewa dan dengan itu segala masalah mereka akan terhurai....”

(LKY, 1998 ; hal 719-710)

#### 4. LKY DAN KONSEP “MALAYSIAN MALAYSIA”

Inilah idea pembangunan yang menjadi rahsia kejayaan masyarakat di Singapura tetapi tidak mungkin di Malaysia;

“Secara bersama kami telah menubuhkan Konvensyen Perpaduan Malaysia yang telah mengadakan pertemuan dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan kami bagi mengerah rakyat untuk menyokong sebuah masyarakat bukan perkauman. Kami telah memutuskan untuk mewujudkan satu perikatan luas yang boleh mendesak kerajaan Perikatan di Kuala Lumpur untuk mewujudkan sebuah *Malaysian Malaysia* (Malaysia bagi rakyat Malaysia), bukan sebuah *Malay Malaysia* (Malaysia bagi orang Melayu) – ini bukan satu perkara yang mudah memandangkan parti perikatan yang memerintah sendiri dikuasai oleh parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pimpinan Tunku”

(LKY, 1998 ; hal 5-6)

“*Malaysian Malaysia*” membawa gagasan “samarata” yang pada pendapat LKY jauh lebih baik daripada konsep *equal society* yang dianuti dan diimpikan oleh masyarakat komunis. Menariknya, LKY mendatangkan bukti terhadap pengukuhan pencapaian prestasi kaum Melayu di Singapura yang bertambah baik (tetapi tidak mampu menyaingi kaum-kaum yang lain). Hujah beliau;

*“..I told the Malay leaders they will never close the gap with the Indian and the Chinese, because as they improve, the others also improve. So the gap remains. They are improving but they are not closing the gap. That’s fact of life. Sidek (Saniff) finally accepted that. He never believed it. When he came in he was president of the Malay Teachers Union. So we brought him in. I said I’d put you in education, you just see it.” .....*

*“Do you think you can create an equal society, as the communist believed? After a while they stop believing in it.*

(Han Fook Kwang dan Rakan, 2011; hal 206-207)

## 5. LKY: IDEA PEMBANGUNAN “NEGARA BANGSA” SINGAPURA

LKY menggunakan asas logik dan realistik dalam membina semangat patriotisme dan membangunkan negara bangsa Singapura. Selain usaha praktikal seperti *National Service*, LKY juga menggunakan kaedah ancaman serta rasa takut dan “kiasu”<sup>6</sup> takut gagal. Rakyat juga dibentuk sebagai *little capitalist* sebagai ganti rasa cinta pada negara. Apapun LKY sering berkata;

*“Singapore and multiracial meritocracy, not a Malay nation, not a Chinese nation, not Indian nation but a place where everybody will have his place : equal; language, culture, religion”*

(Han Fook Kwang dan Rakan, 2011; hal 219)

LKY realistik dan berjaya memanipulasi elemen nilai dan budaya Asia kepada idea pembangunannya. Beliau berhadapan dalam pengurusan masyarakat majmuk yang kuat memegang nilai-nilai tradisi. Dalam konteks Singapura, nilai Konfucianisme<sup>7</sup> mendominasi sesuai dengan jumlah komposisi masyarakat Cinanya.

*“I absorbed Confucianism at a lower level. I knew, I have to be respectful of my elders, be loyal to my family, what I should not do to my friends, that I should not denounce the government or the prince”.*

(Han Fook Kwang dan Rakan, 2011; hal 167)

Dalam meletakkan dirinya ditengah-tengah antara ideologi realistiknya dan perjuangannya terhadap budaya nilai Asia (Konfucius) beliau menyatakan:

*“I am not bound by theorist, but my upbringing in a three-generation family made me an unconscious Confucianist. It seeps into you, the Confucianist belief that society works best where every man aims to be gentlemen”*

(Tom Plate, 2010: hal 178)

## 6. TUNKU ABDUL RAHMAN DALAM PERSPEKTIF LKY

LKY menggambarkan Tunku sebagai orang yang berkedudukan sangat tinggi dan bersifat *Paternalistic*;

Selagi Tunku ada, dengan keperibadiannya, orang akan mendengar katanya. Beliau berada dalam kedudukan lebih tinggi daripada kabinet dan peraturan tanggungjawab bersama kabinet tidak digunakan. Jadi, lebih mudah bagi Tunku kerana kami boleh melakukan kerja-kerja yang kotor. Beliau boleh membuang kami jika beliau mahu.

(LKY, 1998; hal 683)

---

<sup>6</sup> satu istilah popular masyarakat Hokkien yang memberi maksud takut gagal, takut kalah atau ketakutan terhadap kehilangan (fear of losing) yang boleh dibincangkan lanjut dalam konteks positif mahupun negatif.

<sup>7</sup> Tom Plat dalam bukunya *Conversation with Lee Kuan Yew Citizens Singapore : How To Build A Nation* (2010) halaman 42 ada menyatakan bahawa nilai-nilai Kofusianisme menyebabkan beliau tetap menjaga dan terus berbakti kepada bapanya hingga ke akhir hayat walaupun beliau tidak begitu menghormati bapanya yang panan baran (terutamanya bila kalah berjudi) dan membuatkan seluruh keluarga sedih terutama ibunya.

Dalam banyak hal beliau bercakap dengan betul, dan beliau kini menyeru semua pemimpin Singapura untuk mengetepikan perbezaan kaum, bersatu dengan Perikatan “untuk berjuang di tanah air kita ini” menentang musuh bersama. Beliau akan menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa perdamaian kerana jawatan kuasa muhibah yang sedia ada tidak berfungsi dengan betul. Saya terfikir bagaimanakah perubahan ini dapat meninggalkan sebarang kesan – saya tidak tahu apa yang boleh beliau lakukan selain memberkas golongan pelampau. Tetapi itulah cara Tunku. Beliau cuba memainkan peranan sebagai bapa negara. Saya perlu membantunya sebaik-baik yang saya boleh.

(LKY, 1998; hal 676-677)

Idea pembangunan Tunku pada pendapat LKY adalah seperti berikut;

Beliau (Tunku) mempunyai falsafah yang mudah; peranan orang Melayu ialah menguasai pentadbiran negeri, memberi lesen dan mengutip pendapatan, dan paling penting sekali, mereka tidak disisihkan. Tidak seperti orang Cina dan India yang boleh kembali ke China dan India, mereka tidak mempunyai tempat lain untuk mengadu. Dengan cara beliau yang lembut dan berbudi pekerti, beliau amat terbuka dengan tekadnya untuk mengekalkan peningkatan orang Melayu dan memastikan bahawa mereka dan sultan mereka akan kekal berkuasa di negara itu.

(LKY, 1998; hal 517)

“Saya perdana menteri yang paling gembira di dunia”. Beliau akan menambah bahawa matlamat utama beliau untuk Malaya bukanlah kemewahan, keunggulan atau keagungan tetapi kebahagiaan di sebuah bumi tanpa kebencian atau kekacauan.....

(LKY, 1998; hal 516)

Terdapat banyak perbezaan dalam pelbagai bentuk dan situasi antara kedua-dua tokoh kemerdekaan ini. Keduanya bersahabat “baik” secara peribadi tetapi “tidak” pada idea-idea pembangunan. Perbezaan idea pembangunan mereka sangat jelas khususnya dalam konteks bagaimana Persekutuan Malaysia 1963 ini harus diuruskan. Ia terkait dengan hal pengurusan dan penstrukturan negara. Walaupun Persekutuan berjaya dibentuk, tetapi perselisihan tercetus khususnya dalam penyusunan semula aspek aspek i) keselamatan, pertahanan dan hal ehwal luar ii) campur tangan bidang kuasa politik dan iii) konsep persekutuan yang ingin di capai iv) hal ehwal ekonomi dan percukaian. Dalam isu ini, LKY menyatakan;

Beliau (Tunku) berkali-kali menekankan bahawa pertahanan amat penting untuknya. Perdagangan dan perniagaan akan diteruskan seperti biasa, tetapi kami mesti bantu membayar bagi pertahanan. Singapura akan menjadi “rakan kongsi, merdeka, tetapi sebahagian daripada Semenanjung”. Beliau mahu kedua-dua Singapura dan Malaysia menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kita boleh berkongsi kedutaan dan malah mungkin wakil PBB kita. Beliau tidak mempunyai fikiran yang jelas tentang apa yang beliau mahukan, tetapi beliau berkata bahawa tarikh sasaran bagi menyelesaikan perubahan ini ialah sebelum belanjawan akan datang dan sementara itu saya bolehlah fikirkan tentang masalah tersebut.

(LKY, 1998 ; hal 682)

Beliau (Tunku) kini bersungguh-sungguh mahu mengeluarkan kami daripada parlimen persekutuan. Beliau tidak mahu kami mengambil bahagian



dalam perbahasan sama sekali. Kami telah menjadi duri dalam daging mereka terutama dalam soal kewangan. Singapura harus mula memungut cukainya sendiri sebelum, belanjawan akan datang, kata beliau, tetapi harus membayar sumbangan kepada pertahanan Malaysia, memandangkan ia akan menjadi makmur hasil pasaran bersama.

*“Jika anda keluar dari parlimen, kita boleh jadi kawan,”* kata beliau. *“Lebih baik cara begitu – jika anda dalam parlimen, anda mesti mengkritik.”*

Tetapi beliau kelihatan bersungguh-sungguh mahu menguasai pertahanan dan ehwal luar. Hujah beliau mudah. *“Apa yang akan berlaku jika Singapura menjalin hubungan diplomatik dengan negeri China dan negara-negara komunis yang lain? Ia akan menjadikan pertahanan tidak masuk akal.”*

Dari mula lagi beliau mahu persatuan dengan Singapura atas dasar perkongsian bukan percantuman. Idea beliau mengenai kedudukan kami ialah dalam bentuk status kawasan yang dikuasai – “seperti Rhodesia,” kata Ismail

Saya memberitahu Tunku, jika kami harus membayar untuk pertahanan, maka kami perlu berada dalam parlimen. Tidak akan ada cukai tanpa perwakilan.

(LKY, 1998; hal 688)

“Kedegilan” yang bersahaja ditunjukkan oleh Tunku bagi menterjemahkan idea pembangunannya digambarkan oleh LKY;

Perbincangan-perbincangan mengenai “penyusunan semula” ini mengelirukan dan mengecewakan kerana Tunku dan Razak sering berbolak balik dalam saranan demi saranan yang mereka buat. Akhirnya tiada apa yang tercapai.....

(LKY, 1998; hal 690)

## **7. TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN DALAM PERSPEKTIF LKY**

LKY menggambarkan peribadi Tun Abdul Razak seperti berikut;

*“Razak, who took over as prime minister in September 1970, was a different leader from the Tunku. He did not have the Tunku’s warm personality or his large and commanding presence. By comparison he appeared less decisive.”*

(LKY, 2000; hal 267)

Razak – seorang yang berkebolehan, rajin dan teliti – dan membataskan dirinya membuat keputusan-keputusan penting yang menentukan haluan negara.

(LKY, 1998; hal 479)

LKY memperlihatkan dirinya lebih selesa dengan gaya kepimpinan Tunku berbanding dengan gaya kepimpinan Tun Abdul Razak. Ini kerana walaupun teras idea pembangunan mereka sama tetapi gaya kepimpinan Tun Abdul Razak dilihat lebih serius berbanding Tunku. LKY menyatakan:

*“If anything were happen to Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak would become the prime minister and he could be made to reverse the Tunku’s decision by strong minded Ultra leaders. It was a time of a great uncertainty.”<sup>8</sup>*

(LKY, 2000; hal 22)

---

<sup>8</sup> Kenyataan ini dikeluarkan sebagai respon LKY apabila sebahagian besar “Ultra Melayu” dikatakan tidak bersetuju dengan keputusan Tunku mengeluarkan Singapura dari Malaysia

*“He (Tun Razak) and other UMNO Malay leaders rejected the Tunku’s approach to Chinese businessmen as out- of- of- date. Having experienced total power, both political and military, they were now completely open about their economic policies that favoured the bumiputra (sons of the soil-indigenous Malays) in every sector. They implemented the New Economic Policy ‘to eradicate peverty’ and to have ‘greater equality in the ownerhip of welth’.”*

(LKY, 2000; hal 267)

“Razak akan ketawa dengan tidak senang apabila sahaja Tunku mengutarakan pandangan beliau yang berterus terang dan berulang kali mengenai orang Melayu. Ia membuat Razak rasa kurang selesa. Beliau merasakan pandangan-pandangan ini memandang rendah keupayaan mereka dan tidak akan diterima oleh generasi muda –

(LKY, 1998; hal 517)

Namun begitu Tun Abdul Razak kekal mewarisi aspirasi dan matlamat pembangunan negara yang sama dengan Tunku. Tun Abdul Razak mempunyai pandangan yang berhati-hati terhadap LKY;

*“He (Tun Abdul Razak) was bright and hardworking.....He probably considered me a danger to Malay dominance and political supremacy. He preferred to deal with Keng Swee with whom he was comfortable. Once Singapore was out of Malaysia, Razak was more at ease with me”.*

(LKY, 2000; hal 267)

LKY melihat bahawa keselamatan dan keharmonian kaum tetap menjadi agenda warisan turun temurun yang terus di galas oleh Tun Abdul Razak. Ini jelas tergambar pada situasi ketika Tun Razak menghadiri sidang 5 kuasa Komenwel (Malaysia, Britain, Australia, New Zealand) 1971, di mana ketika itu Australia dikatakan hilang keyakinan kepada Malaysia – LKY memoirkan:

*At the last moment, however, he (Tun Abdul Razak) came to open the conference but left immediately after his speech. He stressed the need for racial harmony in the area and for categoral assurance from Malaysia and Singapore that their defence was “invisible”. Razak and his Malaysian ofical looked extremely depressed.*

(LKY, 2000; hal 64)

Keperluan melahirkan modal insan berbakat untuk membangunkan negara sudah lama difikirkan sejak era Tun Abdul Razak lagi. Modal insan merupakan aset penting negara. Golongan pertengahan yang terdiri daripada cendekiawan dan intelektual pelbagai kaum seharusnya menjadi tunjang kekuatan dalam sebuah negara berbilang bangsa seperti Malaysia. Polisi serantau Amerika Syarikat pada waktu itu<sup>9</sup> dilihat satu ancaman oleh Tun Abdul Razak seperti yang dinukilkan oleh LKY:

*“Not all leaders shared my view of the bad effects of this change in policy. When I told Malaysia Prime Minister Tun Razak in the early 1970s that Malaysia was suffering a brain drain, losing many well educated Chinese and Indians to Australia and New Zealand, he replied, “This is not a ‘brains drain’. It is a ‘trouble drain’; its drains trouble out of Malaysia.”*

(LKY, 2000; hal 166)

---

<sup>9</sup> Khususnya di era perang Vietnam, Amerika Syarikat tidak mahu dilihat sebagai anti-Asian dan telah menerima imigrasi longgar. Polisi ini seterusnya diikuti oleh negara-negara bersaiz besar tetapi kurang populasi seperti Kanada, Australia dan New Zealand.

Dalam konteks dasar luar negara, Tun Abdul Razak mempunyai keyakinan yang sangat tinggi dan mendahului pemimpin-pemimpin Asia Tenggara lainnya. Beliau merasakan sudah masanya Malaysia melaksanakan dasar luar yang lebih terbuka dengan mengadakan persahabatan dengan semua negara di dunia (kecuali Israel). Walaupun sebelum ini Malaysia lebih terkenal dengan dasar pro-Baratnya namun Tun Abdul Razak telah membuat keputusan yang berani dengan mengadakan perhubungan dengan negara komunis Republik Rakyat China. Dalam satu catatan LKY yang juga terkait dengan Soeharto terhadap keputusan dasar luar Malaysia ini ialah;

*“Razak has visited Beijing in May 1974 and established diplomatik relations. Malaysia had recognised the Khmer Rouge government in Phnom Penh immediately after they captured it. With disappointment in his voice, Suharto said he had told Razak of Indonesia’s bad experiences with Beijing, referring to China’s support for the Indonesian Communist Party’s attempted coup in September 1965.”*

(LKY, 2000; hal 638)

## **8. TUN HUSSEIN ONN DALAM PERSPEKTIF LKY**

LKY menggambarkan Tun Hussein sebagai;

*“He was very careful in his work. At formal meetings, he would have his brief before him with important passage neatly underlined in colour, and would go through his brief methodically. He did not believe in trusting only to his memory. He was open and direct when he dealt with me, coming straight to the point, unlike Razak. I like him.”*

(LKY, 2000; hal 271)

*“Hussein set out to make a fresh start. A few weeks after Razak’s funeral, he visited Singapore, saying he wanted to establish good personal relations and be able to discuss and overcome bilateral problems. We had a one-on-one meeting.”*

(LKY, 2000; hal 271)

*“I told him my fears of Malay communists and their sympathisers penetrating Malaysia’s mass media and their radical Malay student and trade union leadership. We talk freely and frankly about the Malay communist infiltration of his media.....*

(LKY, 2000; hal 271)

LKY berpendapat bahawa hubungan beliau dengan Tun Hussein Onn boleh berkembang maju tetapi sentiasa digagalkan oleh golongan Melayu Ultra khususnya di Johor;

*“Our relations had started off on a good footing but unfortunately he was influenced by the anti-Singapore feeling of Johor UMNO leaders, especially the menteri besar, Othman Saat, the most important UMNO leader in Hussein’s home state. Othman injected his visceral dislike for Singapore into Hussein, who repeated to me Othman’s complaints: we had caused a shortage of workers in their factories by attracting their workers to work in Singapore for more pay.....*

(LKY, 2000; hal 272)

Tidak banyak catatan peribadi mahupun idea pembangunan yang boleh dicatatkan oleh LKY terhadap Tun Hussein. Namun begitu, LKY sangat mengingati dan mengagumi integriti Tun Hussein yang diterjemahkan melalui idea pembangunannya. LKY menulis;

*“I found Hussein fair-minded. He wanted to do right by his country and by those who dealt with him. He was not as quick as Razak but was thorough, careful and did not have second thoughts after a decision. He weighed his words carefully.”*

*“He had won my respect as a man of integrity. Sitting at the top of an UMNO machine that was based on money politics, Hussein was completely honest. He tried to clean up corruption, especially in the states.”*

(LKY, 2000; hal 274)

## 9. TUN DR MAHATHIR MOHAMAD DALAM PERSPEKTIF LKY

Ini adalah padanan dua tokoh “*sparing*” dan rakan saingan yang paling “ideal”. Bagaikan “bertemu buku dengan ruas”. LKY dalam autobiografinya mencatatkan Tun Dr Mahathir sebagai “*I knew he was a fierce and dogged fighter*”<sup>10</sup>. Melalui visi, gaya politik dan kegigihan bersaing masing-masing, bukan sahaja telah melonjak nama negara mereka naik pada tangga status ekonomi global yang begitu mencabar malah, cuma melalui pengaruh personaliti sahaja, mereka berjaya memberikan identiti berprofil tinggi untuk negara masing-masing (Plate.T, 2012; hal 98). Begitu banyak catatan LKY dalam konteks Tun Dr Mahathir. LKY sebenarnya tidak ada masalah dengan gaya pengurusan Tun Dr Mahathir malah dalam banyak keadaan LKY sangat mengaguminya. Sekali lagi seperti R.A.H.M.A.N yang lain-lainnya, LKY melihat idea pembangunan Tun Dr Mahathir yang menjadi batu penghalang oleh kerana bertitik tolak daripada pertelingkahan ideologi asas antara mereka; melibatkan hegemoni Melayu, pengurusan masyarakat majmuk dan keselamatan negara. Ia juga bertitik tolak dari sikap LKY sendiri yang begitu “tertutup”, “*defensive*” dan bersemangat *kiasu*<sup>11</sup>.

Tun Dr. Mahathir di awal pemerintahannya dikatakan bersikap terlalu berterus terang meminta LKY memindahkan SAF (Singapore Arm Forces) dari pembentungan bekalan air dari Johor ke Singapura<sup>12</sup> dan meminta supaya memutuskan hubungan dengan pemimpin Cina di Malaysia khususnya dari DAP (Democratic Action Party). Apabila Tun Dr Mahathir menyeragamkan waktu antara Malaysia Barat dan Malaysia Timur, LKY turut menyeragamkan waktu di Singapura.<sup>13</sup> Walaupun Tun Dr. Mahathir memandang sinis LKY<sup>14</sup> dan Singapura tetapi kesediaan Tun Dr Mahathir untuk belajar perkara-perkara baik dari Singapura di kagumi LKY;

---

<sup>10</sup> LKY, 2000; hal 275

<sup>11</sup> satu istilah popular masyarakat Hokkien yang memberi maksud takut gagal, takut kalah atau ketakutan terhadap kehilangan (fear of losing) yang boleh dibincangkan lanjut dalam konteks positif mahupun negatif.

<sup>12</sup> LKY menyatakan bahawa keperluan meletakkan askar Singapura di pembentungan bekalan air Johor – Malaysia bagi tujuan kotigensi di kemudian hari jika Malaysia tiba-tiba dikuasai oleh golongan pelampau dan Ultra Melayu.

<sup>13</sup> LKY, 2000; hal 277

<sup>14</sup> Tun Mahathir dengan sinis menyatakan LKY tidak lebih sebagai Datuk Bandar Singapura dan bagaikan seekor “katak besar” di dalam sebuah tasik yang kecil ada di catatkan di dalam buku Tom, P. (2011). *Conversations with Mahathir Mohamed – Doctor M : Operation Malaysia* dan Tom, P. (2010). *Conversations with Lee Kuan Yew. Citizen Singapore: How To Build A Nation*. Singapura: Marshall Cavendish

*“He (Mahathir) had asked his ministers and officers to learn from Singapore. No other Malaysia prime minister or minister had ever publicly said they had anything to learn from Singapore; Mahathir did not suffer from this inhibition. This open minded attitude of learning from anyone whose success he wanted to duplicate in Malaysia distinguished him from his predecessors.”*

(LKY, 2000; hal 277)

Usaha-usaha Tun Dr. Mahathir menyedarkan bangsa Melayunya supaya bangun berusaha dengan mengaplikasikan sains dan teknologi dan tidak terperangkap dengan amalan agama yang kabur juga di lihat LKY sebagai sesuatu yang luar biasa;

*“He had pushed the Malays towards science and technology and away from obscurantism. He had the courage to say in public that lady doctor using a pencil to examine a male patient (which the Muslim religious leaders wanted) was not the way to treat patients.....he had educated younger Malays, open their minds with the vision of the future based on science and technology, especially computers and the internet.....The majority of the Malays and all the Chinese and Indians in Malaysia want this future, not a turn towards extreme Islamic practices.”*

(LKY, 2000;hal 290)

Tun Dr. Mahathir dikatakan sangat kritis dalam membincangkan sesuatu khususnya yang terkait dengan bidang ekonomi, kepentingan pelabuhan dan keselamatan. Suasana tegang pasti berlaku dan pelbagai pertimbangan perlu di ambil kira.

*“Mahathir was determined to redress the economic balance between the races.....Only Mahathir had the courage to tell his Malays....”*

(LKY, 2000; hal 287)

Dalam masa yang sama, kesanggupan Tun Dr. Mahathir yang sanggup meminta bantuan dari “musuh”nya<sup>15</sup> dalam membangunkan ekonomi orang Melayu agak membingungkan LKY. Tun Dr. Mahathir dalam hal ini telah meminta *Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry Malaysia* membantu golongan usahawan bumiputera yang kerugian untuk membangunkan semula perniagaan mereka. LKY mendedikasikan hal ini di autobiografinya.<sup>16</sup> Keupayaan Tun Dr. Mahathir membawa Malaysia daripada satu tahap ke satu tahap yang lain (ekonomi pertanian kepada ekonomi industri) dengan pembinaan pelbagai mercu tanda dan infrastruktur bertaraf dunia turut dikagumi LKY.

Manakala Tom Plate dalam siri bukunya *Conversations with Mahathir Mohamed – Doctor M : Operation Malaysia* (2011) halaman 100 dan 101 pula menyatakan :

*“Mahathir dan LKY masing-masing berani membuat keputusan yang memeritkan, bersenam setiap hari, berpegang kepada pandangan sosio-Darwinisme yang serupa, menerima dengan tangan yang terbuka pelaburan multinasional dari luar (sambil sentiasa mengawasi orang luar bagai helang mengamati mangsanya), mempertahankan nilai-nilai bangsa Asia dengan cekal dan berani, melihat faktor-faktor kebudayaan sebagai watak-watak utama sejarah,*

---

<sup>15</sup> Dalam hal ini LKY menganggap Tun Dr Mahathir cuba menidakkan peluang yang terbuka khususnya kepada kaum Cina dalam bidang perniagaan.

<sup>16</sup> Sila baca lebih lanjut Lee. K. Y. (2000). *From Third World To First - The Singapore Story: 1965-2000*. Singapore : Marshall Cavendish

pendirian terbuka sukar diramal dari segi meningkatkan lagi saiz pengaruh negara (namun tidak percaya pasaran bebas dapat menyelesaikan semua masalah sosial”

*“He was an outstanding Prime Minister of Malaysia. During his premiership of over 20 years, he changed Malaysia from an agricultural, placid society into an industrial, dynamic society. He educated his people, sent many abroad on scholarships. They in turn transformed Malaysia.”*

(Plate. T, 2011)

LKY mengakui tidak ada pemimpin lain sehebat Tun Mahathir (bagi menggantikannya) terutamanya dalam keadaan yang paling sukar.<sup>17</sup> Keberanian dan kelantangan beliau di peringkat antarabangsa serta cara beliau mengurus krisis kewangan yang melanda sekitar 1997 menjadi ingatan kekal sepanjang zaman dan diberikan perhatian khusus oleh LKY.

## 10. TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI DALAM PERSPEKTIF LKY

Tidak banyak yang diperkatakan oleh LKY secara langsung terhadap Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika beliau menjadi Perdana Menteri. Namun LKY tetap melihat Tun Abdullah sebagai legasi wadah kepemimpinan terdahulu yang tetap memegang idea pembangunan yang sama dengan hanya gaya kepemimpinan berbeza. Sehubungan itu di era Tun Abdullah, LKY konsisten menyatakan pendapat dangkalnya berkaitan hegemoni Melayu dan penindasan terhadap kaum bukan Bumiputera di Malaysia. LKY sebagai menteri mentor dalam satu forum berkaitan *good governance* pada 15 September 2006 menyatakan;

*“My neighbours both have problems with their Chinese. They are succesfull, they’re hardworking and therefore they are systematically marginalised, even in education.”*

*“And they want Singapore, to put it simply, to be like Chinese compliant.....the attitude of Malaysia and Indonesia towards the republic was shaped by the way they treated their Chinese communities.”<sup>18</sup>*

Susulan daripada kenyataan LKY, maka Tun Abdullah mengemukakan surat bagi mendapatkan penjelasan terhadap pendapat dan tindakan LKY campur tangan terhadap pengurusan masyarakat majmuk di Malaysia.

Manakala dalam satu temubual bersama New York Times dan International Herald Tribune pada 1 September 2010 LKY menyatakan;

*“Malaysia took the different line; Malaysians saw it as a Malay country, all others are lodgers, “orang tumpang”, and they the Bumiputras, sons of the soil, run the show. So the Sultans, the Chief Justice and judges, generals, police commissioner, the whole hierarchy is Malay. All the big contracts for Malays. Malay is the language of the schools although it does not get them into modern knowledge. So the Chinese build and find their own independent schools to teach Chinese, the Tamils create their own Tamils schools, which do not get them jobs. It’s a most unhappy situation.”<sup>19</sup>*

<sup>17</sup> Dalam hal ini LKY merujuk kepada pemecatan dan penangkapan Datuk Seri Anwar Ibrahim

<sup>18</sup> [The-malaysian.blogspot.com/2006/09/kuan-yew-replies-to-abdullahs-letter.html](http://The-malaysian.blogspot.com/2006/09/kuan-yew-replies-to-abdullahs-letter.html)

<sup>19</sup> [Theonlinecitizen.com/2010/09/transcripts-new-york-timesiht-interveaw-lee-kuan-yew/](http://Theonlinecitizen.com/2010/09/transcripts-new-york-timesiht-interveaw-lee-kuan-yew/)

Menyangkal dakwaan LKY maka Tun Abdullah dengan tegas menyatakan;

*Malaysia does not need any advice from Singapore's Minister Mentor Lee Kuan Yew because it has its own way of governing the country which comprises multi-racial people. We are too different from Singapore and Lee's statement which criticized the system being practiced in this country cannot be accepted because Malaysia has adopted a different set of approaches and measures in managing issues involving the cultures and religions of its multi-racial population.*<sup>20</sup>

## 11. DATO' SERI MOHD NAJIB DALAM PERSPEKTIF LKY

LKY melihat Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak sebagai pemimpin era baru yang "mengoperasikan" Malaysia dengan gaya yang lebih rasional dan pragmatik berbanding Perdana Menteri Malaysia terdahulu. Dato' Seri Mohd Najib diperlihatkan sebagai pemimpin yang jelas tentang keperluan dan kepentingan Malaysia dan tidak bersentimentkan emosi. LKY melahirkan rasa yakin dengan tindakan dan keputusan Dato' Seri Najib dan mengungkapkannya sebagai "want to get on with the job"<sup>21</sup> ([www.kl-today.com/2011/09/kuan-yew-supports-najib-government](http://www.kl-today.com/2011/09/kuan-yew-supports-najib-government)). LKY menunjukkan sedikit rasa selesanya berkaitan hubungan luar dua hala Malaysia-Singapura. Ini bertitik tolak daripada keputusan-keputusan yang melibatkan kepentingan kedua-dua pihak yang dilihat memberi keuntungan kepada Singapura yang berjaya di hasilkan. Ia terkait dengan beberapa urusan pelabur-pelabur Singapura khususnya terhadap Projek Pembangunan Iskandar di selatan Johor. Kes Stesen keretapi Tanjung Pagar juga dilihat oleh LKY sebagai "kayu ukur" ketelusan kerajaan pimpinan Dato' Seri Najib.

Namun demikian LKY tidak mengharapkan Dato' Seri Najib akan begitu berbeza dari segi idea pembangunan dan wawasan fundamental. Kenyataan LKY jelas menjangkakan Dato' Seri Najib tetap akan membawa agenda dan hala tuju idea pembangunan yang sama seperti pemimpin yang terdahulu dengan hanya gaya kepimpinan yang berbeza;

*"Prime Minister Najib Razak is a rational leader. He want to cooperate with us because he sees the benefits for Malaysia. But he has to deal with the emotions of his domestic grown, just like politicians everywhere. So will the Malay ground allow cooperation with Singapore?"*

(Han Fook Kwang dan Rakan, 2011; hal 30)

Sehubungan dengan itu LKY terus kekal dengan pendirian asasnya terkait dengan idea pembangunan di Malaysia dan mengingatkan generasi baru Singapura supaya berhati-hati dengan setiap urusan dan perjanjian dengan Malaysia. Tidak boleh ada ruang untuk bertolak ansur yang boleh "merugikan" pihak Singapura. Singapura yang bersifat "rapuh" perlu terus kekal dominan, selamat dan berada di pihak yang menang;

*"Singapore is economically vibrant. If Malaysia want to plug into Singapore's growth, especially for southern Johor, it must welcome Singapore's investments and businessmen. Prime Minister Najib understands this. He wants the Iskandar region in southern Johor to grow. The economic imperatives are strong. I doubt if irrational political issues will be allowed to stifle the economic cooperation from going forward. How much closer both sides can get*

---

<sup>20</sup> <http://malaysia-today.net/archives/archives-2010/34606-malaysia-does-not-need-lee-kuan-yews-advice-sayd-pak-lah>

<sup>21</sup> khususnya yang terkait dengan isu Stesen Keretapi Tanjong Pagar yang dilihatnya sebagai situasi "menang-menang"

*economically depends on how Malaysians in the peninsula welcome Singapore businessmen. Singaporeans must feel that their investment are safe, and that they are welcome.”*

(Han Fook Kwang dan Rakan, 2011; hal 321)

LKY apabila ditanyakan soalan yang bersifat umum berkaitan dengan penyesalan atau rasa terkilannya terhadap sesuatu di sepanjang kehidupan peribadinya; telah menjawab dengan secara langsung melibatkan kepentingannya di Malaysia.

*Do you have any regrets in your personal life?*

*“What is there to regret? Had I not tried, I think that would be a matter for regret. But we have tried. That was 1965. This is 2009, the same issues are there – it is a Malay Malaysia or a Malaysian Malaysia? Najib says its “one Malaysia”, but that’s not the same as Malaysian Malaysia. One Malaysia means all the races are living in one country.”*

(Han Fook Kwang dan Rakan, 2011; hal 428)

## 12. KESIMPULAN

Jelas sekali dalam sorotan-sorotan yang dilakukan, LKY selesa, tidak ada masalah malah mengagumi pelbagai gaya kepimpinan dan gagasan yang di tunjukkan oleh semua Perdana Menteri. Namun kesinambungan dan konsistensi yang ditunjukkan oleh R.A.H.M.A.N dalam konteks fundamental yang terkait dengan *constitutional*, struktur politik dan pengurusan masyarakat majmuk kekal sebagai sesuatu yang tidak boleh dipersetujuinya dan dianggap sebagai diskriminasi.

Usaha pembangunan negara Malaysia boleh diibaratkan sebagai analogi Tun Abdul Razak, pembinaan sebuah rumah. Tunku merintis laluan kepada pembinaan sebuah rumah, meneroka kawasan untuk mendirikan tapak. Apabila era Tun Abdul Razak, beliau mendirikan tiang untuk mengukuhkan struktur pembinaan rumah tersebut, lantas meletakkan asas. Tun Hussein melengkapkan dinding dan bumbung, agar menjadi satu ikatan yang kukuh dan orang yang berada di dalamnya berada di dalam keadaan makmur dan selamat. Era Tun Dr. Mahathir menitikberatkan keselesaan orang yang menghuninya. Namun keselesaan ini tidak akan tercapai sekiranya berlaku ketidakadilan. Justeru, usaha Tun Dr. Mahathir adalah memastikan setiap orang memperoleh layanan yang seimbang dan sama rata. Tun Abdullah pula melihat keselesaan fizikal sudah dipenuhi, maka menjadi tanggungjawab beliau mendidik orang-orang yang mendiaminya rumah supaya lebih berdisiplin dan bertanggungjawab. Dato’ Seri Najib menyempurnakan dengan ikatan baik sangka dan sederap mencapai cita-cita yang lebih tinggi, menambah pendapatan dan memakmurkan kehidupan untuk generasi-generasi mendatang (Abdul Rahman, 2009; hal 70). LKY tidak dapat melihat kesinambungan dan keindahan pembinaan rumah ini semua. Ini kerana sehingga kini beliau masih mempertikaikan dan tidak boleh bersetuju dengan “jenis tapak”, “jenis lantai” dan “jenis dinding” serta cara bagaimana “rumah” itu didirikan!

SEKIAN



## BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Abdul Aziz (2009). *Idea pembangunan Perdana Menteri Malaysia*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ghazali Shafie (2001). *Rumpun Melayu: Cabaran dan Masa Depan Tamadunnya*, Dalam, Ismail Hussein, Wan Hashim Wan The, Ghazalie Shafie (2001). *Tamadun Melayu Menyongsong Abad Ke Dua Puluh Satu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Han Foo Kwang & Rakan (2011). *Lee Kuan Yew - Hard Truth To Keep Singapore Going*. Singapura: Straits Times Press.
- <http://malaysia-today.net/archives/archives-2010/34606-malaysia-does-not-need-lee-kuan-yews-advice-sayd-pak-lah>.
- <http://www.kl-today.com/2011/09/kuan-yew-supports-najib-government>.
- <http://Theonlinecitizen.com/2010/09/transcripts-new-york-timesiht-interveaw-lee-kuan-yew/>.
- <http://blis.bernama.com> (18 April, 2009).
- <http://blis.bernama.com> (02 Ogos, 2009).
- <http://blis.bernama.com> (23 Mei, 2009).
- <http://wwsword.blogspot.com/2008/06/ideas-of-ruling-are-in-every.html>.
- Lee. K.Y. (1998). *The Singapore Story*. Singapore: Times Editions Pte Ltd.
- Lee. K. Y. (2000). *From Third World To First - The Singapore Story: 1965-2000*. Singapore: Marshall Cavendish.
- Musa Hitam, Tun (2009). *The Challenge of Managing Change Inside and Outside Malaysia*. Dalam, Nungsari Ahmad Radhi & Suryani Senja Alias. 2009. *Reading on Development: Malaysia 2057*. Kuala Lumpur: Khazanah Nasional.
- Sity Daud. (2004). *Globalisasi Dan Negara Pembangun*. Akademika 64: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tom, P. (2012). *Dr M: Operasi Malaysia Wawancara dengan Mahathir Mohamad (Edisi Bahasa Malayu ole Afdhal Lutfi Abd Latif)*. Singapura: Marshall Cavendish.
- Tom, P. (2011). *Conversations with Mahathir Mohamed – Doctor M: Operation Malaysia*. Singapura: Marshall Cavendish.
- Tom, P. (2010). *Conversations with Lee Kuan Yew. Citizen Singapore: How To Build A nation*. Singapura: Marshall Cavendish.